

**KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**Ucapan: 26/03/2018**

**Majlis Perasmian Muzium Kastam Tan Sri Dr Ali Hamsa**

*Bismillahir rahmanir rahim,*

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.*

*Yang Dihormati Saudara Pengacara Majlis;*

**YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah**  
*Ketua Setiausaha Perbendaharaan,*

**YB Datuk Wira Roslan bin Ibrahim**  
*Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka,*

**YBhg. Dato' Sri Subromaniam Tholasy**  
*Ketua Pengarah Kastam Malaysia,*

**YBhg. Dato' Mohd Noor bin Yusoff**  
*Pengarah Kastam Negeri Melaka,*

*Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Kastam,*

*Penolong-Penolong Ketua Pengarah Kastam dan Barisan Pengarah Kastam Ibu Pejabat Serta  
Negeri,*

*Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri,*

*Seterusnya Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Saya Hormati Sekalian.*

1. *Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan kurniaan nikmat dan rahmat-Nya, kita diberikan kelapangan untuk hadir petang ini di dalam majlis yang penuh bermakna bagi saya dan warga Kastam sekalian.*
2. *Saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada **YBhg. Dato' Sri Subromaniam Tholasy, Ketua Pengarah Kastam Malaysia serta warga Jabatan Kastam DiRaja Malaysia** kerana sudi menjemput saya bersama-sama dalam majlis pada hari ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih di atas penghargaan yang diberikan kepada saya dalam penamaan Muzium Kastam ini.*
3. *Saya amat terharu dengan penghargaan ini. I am truly humbled by your kind gesture. Sesungguhnya, sebagai Ketua Setiausaha Negara saya memikul tanggungjawab untuk memastikan perkhidmatan awam, termasuk warga Kastam dijaga kebajikan mereka agar dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.*

***Para hadirin yang dihormati sekalian.***

4. *Muzium, galeri atau memorial, merupakan antara lokasi pengumpulan bahan, artifak, mahupun catatan sejarah penting yang kita miliki dan perlu dipelihara dengan sebaiknya. Sejarah amat penting kepada kita kerana sejarah adalah bukti kepada setiap peristiwa dan kejadian yang pernah berlaku.*
5. *Sejarah bukan sahaja dianggap sebagai lambang keunggulan sesebuah tamadun, bahkan sejarah amat penting dalam menentukan jati diri dan kelangsungan kuasa politik dalam masyarakat selain menjadi pemangkin kepada lonjakan sesuatu bangsa.*
6. *Dalam hal ini, muzium memainkan peranan sebagai pusat rujukan sejarah. Muzium bukan sahaja berfungsi sebagai sebuah institusi pendidikan dan ilmu yang mengandungi maklumat serta pengetahuan berharga, malah turut berperanan sebagai sebuah aset pelancongan berinformatif bagi para pelancong dalam mahupun luar negara.*

***Hadirin yang dihormati sekalian.***

7. *Saya difahamkan bahawa bangunan Muzium Kastam ini telah dibina pada zaman pemerintahan British, dimana bangunan ini digunakan sebagai gudang penyimpanan barangan dagangan seperti beras, gula, seramik dan pelbagai barangan yang diimport dari negara China, India dan Arab sebelum dieksport ke sekitar Asia Tenggara.*
8. *Seperti muzium-muzium lain, Muzium Kastam ini sudahpun mempunyai koleksi bahan-bahan pameran yang berharga dan bernilai sejarah yang tinggi. Bahan-bahan ini akan menjadi signifikan nilainya kerana ia tidak terdapat di tempat lain dan ia merupakan koleksi khusus mengenai sejarah penubuhan, perkembangan fizikal, sumbangan dan kejayaan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa.*
9. *Koleksi-koleksi ini sewajarnya dipelihara dengan baik dan perlu dipamerkan kepada masyarakat supaya mereka dapat mengetahui dengan tepat, dan menghayati sejarah perkembangan perihal perkastaman di Malaysia.*
10. *Masyarakat wajar tahu bahawa Jabatan Kastam mempunyai tanggungjawab khusus dan peranan penting dalam menjana pembangunan ekonomi Negara melalui pungutan hasil dan memberi fasilitasi perdagangan kepada para peniaga.*

**Para hadirin yang dihormati sekalian.**

11. *Seperti yang dimaklumkan oleh Dato' Sri KP tadi, Muzium ini telah dibuka sejak 2006. Sesungguhnya, saya berasa amat bertuah kerana telah dijemput bagi memberi nafas baru dalam penjenamaan semula Muzium Kastam yang bersejarah dan bernilai ini.*
12. *Bahan-bahan yang dipamerkan di sini sudah pasti menjadi bukti nyata mengenai perkembangan Kastam dan aktiviti perdagangan yang telah sinonim sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Saya yakin dan percaya dengan kehadiran YB Datuk SUK dalam majlis kita pada hari ini, Muzium Kastam akan tersenarai dalam pemerhatian*

*Perbadanan Muzium Melaka supaya dapat menarik lebih ramai pelancong ke tapak warisan ini.*

- 13. Saya berhasrat untuk melihat Muzium Kastam ini menjadi antara tarikan utama di Melaka. Ini mampu dicapai sekiranya pihak pentadbiran Muzium Kastam dapat mentadbir perjalanan operasi muzium dengan baik dan inovatif, khasnya dalam memastikan bahan-bahan dipamerkan dengan menarik dan kreatif, seterusnya menarik perhatian lebih ramai pengunjung.*

***Hadirin yang dihormati sekalian.***

- 14. Sebelum saya mengundur diri, sekali lagi saya zahirkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada **YBhg. Dato' Sri Subromaniam Tholasy, Ketua Pengarah Kastam Malaysia**, serta seluruh warga Kastam yang terlibat atas kejayaan inisiatif memperkasakan keunggulan Muzium Kastam ini.*

- 15. Saya berharap hasrat murni ini berupaya membuahkan impak positif serta mampu meningkatkan kecemerlangan serta jati diri warga Jabatan Kastam DiRaja Malaysia ke arah menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi.*

- 16. Alhamdulillah, sekalung penghargaan dan terima kasih sekali lagi kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia atas kesudian menamakan Muzium Kastam ini dengan nama saya.*

*Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, sukacita saya merasmikan Muzium Kastam Tan Sri Dr. Ali Hamsa pada hari ini.*

*Sekian, wabillahitaufik walhidayah.*

©2017 Hakcipta Terpelihara Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my//newsroom/content/speech/19234/Majlis-Perasmian-Muzium-Kastam-Tan-Sri-Dr-Ali-Hamsa>